

FAQ REISHI GOLD & EXCELLIUM GOLD

1. Apa itu Reishi Gold ?

Reishi Gold adalah produk makanan kesihatan keluaran Gano Excel yang dihasilkan daripada kombinasi 6 spesis Ganoderma lucidum berterapeutik tinggi yang ditanam menggunakan kaedah tisu kultur dan 100% organik di Ladang Organik Ganoderma terbesar di dunia yang dimiliki oleh Gano Excel. Menggunakan medium penanaman yang mempunyai zat pemakanan yang tinggi dan organik seperti sekam padi, tepung beras perang, kacang soya dan serbuk kayu getah dengan kaedah gantungan serta kelembapan suhu dan pendedahan cahaya matahari yang terkawal agar dapat menghasilkan Ganoderma lucidum berterapeutik tinggi. Tiada sebarang bahan kimia, racun serangga atau bahan hormon digunakan.

Ganoderma lucidum merupakan herba yang digunakan secara tradisional dalam perubatan Tionghua seawal pemerintahan Maharaja China yang pertama iaitu Maharaja Qin Shi Huang lebih 5,000 tahun yang lalu. Dalam teks perubatan herba purba cina 'Shen Nong's Herbal Classic' mengklasifikasikan Ganoderma lucidum sebagai Herba Tonik (Gred 1) iaitu 'Superior Herb' kerana ia mempunyai unsur 'Adaptogen' yang tidak bertoksik dan bebas daripada kesan sampingan, tidak spesifik dan bertindak secara menyeluruh dalam memperbaiki kesihatan tubuh badan. Pengambilan secara berterusan dapat membantu tubuh mencapai tahap kesihatan yang optimum.

2. Apa itu Excellium Gold ?

Excellium Gold adalah produk makanan kesihatan keluaran Gano Excel. Ia dihasilkan daripada Miselia Ganoderma lucidum yang berupa seakan benang halus daripada bahagian akar Ganoderma lucidum dan memakan masa 21 hari untuk matang melalui kaedah penanaman tisu kultur yang unik dibawah kawalan dan penjagaan rapi bagi memastikan penghasilan Excellium berterapeutik tinggi.

3. Apakah perbezaan Reishi Gold dengan Ganoderma ?

Perbezaan Reishi Gold dengan Ganoderma ialah ekstrak Reishi Gold 100% larut air berbanding Ganoderma. Semakin tinggi kadar larut air, semakin banyak komponen aktif Ganoderma lucidum dapat diserap masuk ke dalam tubuh. Setakat ini hanya Reishi Gold sahaja ekstrak Ganoderma lucidum yang 100% larut air pertama di pasaran dunia.

Kadar nisbah pengekstrakan Reishi Gold ialah 25:1 yang bermaksud untuk menghasilkan 1kg ekstrak Reishi Gold, ia memerlukan sebanyak 25kg Ganoderma lucidum untuk diekstrakkan.

Reishi Gold juga mempunyai kepekatan Adenosine yang tinggi berbanding Ganoderma. Adenosine di dalam Ganoderma lucidum bertindak menghalang rekatan platlet darah bagi mengelakkan penyempitan pembuluh darah yang menyebabkan penyakit koronari arteri seperti penyakit jantung dan strok.

4. Apakah perbezaan Excellium Gold dengan Excellium ?

Perbezaan Excellium Gold dengan Excellium ialah ekstrak Excellium Gold yang dihasilkan daripada Miselia Ganoderma lucidum adalah 100% larut air dan kandungan bahan aktifnya 5 kali lebih berbanding Excellium. Semakin tinggi kadar larut air dan penumpuan pengekstrakan spesifik, semakin banyak komponen aktif Miselia Ganoderma lucidum dapat diserap masuk ke dalam tubuh.

Kadar nisbah pengekstrakan Excellium Gold ialah 25:1 yang bermaksud untuk menghasilkan 1kg ekstrak Excellium Gold, ia memerlukan sebanyak 25kg Miselia Ganoderma lucidum untuk diekstrakkan.

Salah satu komponen aktif Miselia Ganoderma lucidum yang banyak dapat diserap oleh tubuh adalah Germanium Organik. Ia membantu meningkatkan keupayaan sel darah merah mengangkut lebih banyak oksigen ke seluruh bahagian badan dengan lancar.

5. Adakah Excellium Gold dihasilkan daripada kacang soya ?

Tidak. Excellium Gold hanya dihasilkan 100% daripada Miselia Ganoderma lucidum sahaja.

6. Apakah manfaat kesihatan Reishi Gold ?

Manfaat kesihatan Reishi Gold adalah seperti berikut :-

- Mengaktifkan dan membetulkan semula sistem imun tubuh badan.
- Membantu detoksifikasi toksin larut air dan tidak larut air dalam tubuh dengan cekap dan berkesan melalui sistem perkumuhan.
- Bersifat anti-kanser, anti-oksidan, anti-bakteria, anti virus, anti fungal, anti tumor, anti radang dan anti alergi.
- Membantu meningkatkan metabolisme badan.
- Membantu melancarkan peredaran darah dengan memperbaiki sistem kardiovaskular.
- Membantu menurunkan paras kolesterol darah.
- Menyeimbangkan paras tekanan darah dan pH darah.
- Membantu menyeimbangkan paras gula dalam darah.
- Membantu meningkatkan tenaga badan.
- Membantu menguatkan sistem penghadaman.
- Berfungsi sebagai agen pelindung hati.

7. Apakah manfaat kesihatan Excellium Gold ?

Manfaat kesihatan Excellium Gold adalah seperti berikut :-

- Membantu membekalkan oksigen yang tinggi ke dalam badan dan sistem saraf terutama otak.
- Membantu perkembangan fungsi otak dan kecerdasan minda.
- Membantu mengaktifkan dan membetulkan semula sistem imun tubuh.
- Bertindak sebagai agen anti tumor untuk mencegah ketumbuhan.
- Membantu membersihkan keracunan larutan air dalam badan.
- Membekalkan zat galian bagi keperluan sistem badan.
- Membantu menyeimbangkan paras gula dalam darah.
- Membantu meningkatkan metabolisme badan.
- Membantu membekalkan tenaga dan menghilangkan kelesuan.
- Membantu meningkatkan kecantikan dan kesihatan kulit.

8. Bolehkah Reishi Gold dan Excellium Gold diambil bersama supplement atau ubat-ubatan yang lain ?

Secara amnya, Reishi Gold dan Excellium Gold boleh diambil bersama supplement yang lain. Tetapi, adalah disarankan untuk dijarakkan masa pengambilannya selama 30 minit atau 1 jam sebelum mengambil ubat-ubatan sebagai langkah berjaga-jaga. Ini disebabkan adalah mustahil untuk menjalankan kajian khusus untuk menentukan kesesuaian Reishi Gold dan Excellium Gold diguna bersama untuk kesemua ubat-ubatan yang ada di pasaran.

9. Adakah terdapat pantang larang mengambil Reishi Gold dan Excellium Gold ?

Tiada sebarang pantang larang untuk mengambil Reishi Gold dan Excellium Gold.

10. Siapakah golongan yang sesuai mengambil Reishi Gold dan Excellium Gold ?

Berikut golongan yang sesuai mengambil Reishi Gold dan Excellium Gold :-

- Bayi dan kanak-kanak berusia bawah 12 tahun hanya disarankan mengambil Excellium sahaja (dibuka kapsul dan dicampur dalam minuman / susu).
- Remaja, dewasa dan warga emas.
- Wanita sedang haid dan dalam pantang bersalin.
- Bagi wanita yang sedang mengandung, pengambilan Ganoderma dan Excellium disarankan untuk usia kandungan 3 bulan dan ke atas sahaja.
- Pesakit ringan atau kronik seperti penghidap kencing manis, strok, masalah jantung, tekanan darah tinggi, kanser, gout, arthritis, rheumatism dan sebagainya.
- Orang yang sihat untuk menjaga dan mengekalkan tahap kesihatan.

11. Apakah yang mungkin menyebabkan Reishi Gold dan Excellium Gold tidak berkesan ?

Secara amnya, seseorang akan merasai kesan positif Reishi Gold dan Excellium Gold terhadap memperbaiki tahap kesihatan selepas mengambilnya secara berterusan. Namun, ada keadaan dan faktor tertentu dimana sesetengah orang tidak mengalami sebarang kesan positif. Ini mungkin disebabkan oleh keadaan dan faktor berikut :-

- Reishi Gold dan Excellium Gold tidak diambil bersama atau tidak mengikut dos dan waktu yang dicadangkan.
- Berhenti dari memakan Reishi Gold dan Excellium Gold apabila mengalami sebarang kesan tindakbalas.
- Mengamalkan cara hidup tidak sihat, diet yang tidak seimbang dan jarang melakukan senaman.
- Penyakit yang dihidapi sudah terlalu lama atau pengambilan ubat yang terlalu banyak. Toksin di dalam tubuh badan tidak boleh disingkirkan dengan sepenuhnya.
- Tahap tindakbalas yang dialami pada peringkat awal pengambilan adalah berbeza. Pesakit mungkin hilang keyakinan lalu berhenti memakan Reishi Gold dan Excellium Gold.
- Faktor psikologi pesakit dimana pesakit menerima pandangan dan nasihat orang lain untuk berhenti dari memakan Reishi Gold dan Excellium Gold sebelum sempat ia memberi tindak balas positif terhadap tahap kesihatan.

12. Apakah saranan dan cadangan pengambilan Reishi Gold dan Excellium Gold yang terbaik ?

Berikut adalah beberapa saranan dan cadangan pengambilan Reishi Gold dan Excellium Gold yang terbaik :-

- Jumlah minimum pengambilan Reishi Gold dan Excellium Gold adalah 1-2 kapsul setiapnya untuk 2 kali sehari.
- Bergantung kepada keperluan dan tindakbalas tubuh badan seseorang, mungkin seseorang perlu mengambil Reishi Gold dan Excellium Gold 2-4 kapsul setiapnya untuk 3-4 kali sehari bagi tujuan merawat dan memulihkan masalah kesihatan.
- Pengambilan Reishi Gold dan Excellium Gold secara kerap dalam sehari walaupun dengan kuantiti yang sedikit adalah disarankan berbanding pengambilan hanya sekali dengan kuantiti yang banyak dalam sehari.
- Pengambilan Reishi Gold dan Excellium Gold sekurang-kurangnya 1 jam sebelum makan hidangan utama adalah disarankan. Dinasihatkan kepada pesakit gastrik untuk mengambil makanan terlebih dahulu.
- Perlu minum air kosong dengan banyak (tidak kurang 3 liter sehari) untuk melancarkan dan mempercepatkan tindakbalas positif Reishi Gold dan Excellium Gold dalam badan.
- Reishi Gold dan Excellium Gold perlu diambil bersama-sama.

13. Kenapa Reishi Gold mesti diambil bersama Excellium Gold ?

Reishi Gold mesti diambil bersama Excellium Gold untuk memastikan tubuh badan mendapatkan sepenuhnya 100% khasiat, nutrien dan elemen aktif yang terkandung dalam Ganoderma lucidum bermula dari akar, batang hinggalah ke kuntumnya yang mengandungi spora. Dengan ini, tubuh badan akan dapat manfaat kesihatan keseluruhan daripada Ganoderma lucidum untuk membantu mencapai tahap kesihatan yang optimum dalam sepanjang hayat.

14. Adakah Reishi Gold dan Excellium Gold perlu dimakan secara berterusan seumur hidup atau hanya dalam tempoh tertentu sahaja ?

Masalah kesihatan berlaku akibat kerosakan pada fungsi sistem badan yang berkaitan. Kegagalan sesuatu sistem badan berfungsi dengan optimum adalah kerana berlakunya kerosakan pada organ, tisu atau sel akibat pendedahan kepada radikal bebas dan toksin. Reishi Gold dan Excellium Gold membantu merawat dan memperbaiki sel-sel yang rosak yang secara tidak langsung memperbaiki tisu, organ, sistem badan dan masalah kesihatan.

Reishi Gold dan Excellium Gold juga mengaktifkan dan membetulkan semula sistem imun tubuh agar ia dapat menjaga sel-sel yang sihat dari rosak atau mati dan juga membaikpulih sel-sel yang rosak akibat aktiviti radikal bebas, toksin dan patogen (bakteria dan virus yang menyebabkan penyakit).

Tambahan lagi Ganoderma lucidum mempunyai unsur 'Adaptogen' iaitu suatu bahan yang mengurangkan tekanan pada badan semasa rawatan dan pemulihan, tidak bertoksik dan bebas daripada kesan sampingan, tidak spesifik dan bertindak secara menyeluruh dalam memperbaiki dan meningkatkan tahap kesihatan tubuh badan, pengambilan Reishi Gold dan Excellium Gold secara berterusan dapat membantu tubuh mencapai tahap kesihatan yang optimum dalam sepanjang hayat.

15. Adakah Reishi Gold dan Excellium Gold selamat dimakan dan adakah ia disahkan halal oleh pihak JAKIM ?

Reishi Gold dan Excellium Gold dihasilkan di Kompleks Industri Gano Excel yang mempunyai pengiktirafan 'Amalan Perkilangan Baik' (GMP) dan mematuhi standard piawaian antarabangsa bagi memastikan produk-produk yang dihasilkan adalah selamat digunakan.

Kesemua produk keluaran Gano Excel telah mendapat pengesahan halal dari pihak JAKIM. Sila rujuk sijil.